



KERATAN AKHBAR

AKHBAR	:	BERITA HARIAN
TARIKH	:	23/4/2019
JABATAN	:	KATS
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN

GANGGUAN AIR DI LEMBAH KLANG

Elak masalah pada Ramadan, Aidilfitri

➔ Bekalan air dijangka pulih 48 jam

✦ Bangi

Gangguan air di Lembah Klang bermula esok tidak dapat dielakkan bagi memastikan tidak timbul masalah air pada bulan puasa dan Aidilfitri, kata Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli Dr Xavier Jayakumar.

Katanya, pihaknya turut memberi jaminan bekalan air akan pulih dalam tempoh 48 jam.

Beliau berkata langkah penambahbaikan dan membaiki paip air sudah lama dirancang. Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor) dan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN), "Kerja penambahbaikan adalah

kerja besar dan memerlukan masa yang lama. Jadi, kerana itulah kami meminta tempoh 48 jam," katanya kepada pemberita selepas menyampaikan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2018 Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli di sini semalam.

4,143,465 pengguna

SPAN pada Khamis lalu memaklumkan gangguan bekalan air sehingga 86 jam dijangka berlaku di Klang, Shah Alam, Petaling, Gombak, Kuala Lumpur, Kuala Langat dan Kuala Selangor susulan kerja-kerja penambahbaikan perkhidmatan kritikal sistem bekalan elektrik di Loji Rawatan Air Sungai Selangor Fasa 2 (LRA SSP2) pada 24 April.

Gangguan bekalan air akan membatalkan 620,835 akaun atau 4,143,465 pengguna di 577 kawasan.

Dalam pada itu, beliau turut menasihatkan orang ramai agar memulakan proses pengumpulan air bagi menampung kegunaan air



Kita kena kurangkan pembaziran air"

Dr Xavier Jayakumar

Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli pada tarikh berkenaan.

"Kita kena kurangkan pembaziran air. Ini adalah yang terbaik untuk jangka masa panjang bagi memastikan bekalan air mencukupi," katanya.

BERNAMA



[FOTO AIZUDDIN SAAD /BH]

Farah Nadzira mengisi air ke dalam baldi dan bekas simpanan air sebagai langkah persediaan apabila gangguan bekalan air di Lembah Klang bermula esok.